

**MECD: LPKP/20/S/656/1 Jld. 2(25)**



**KERAJAAN MALAYSIA**



**LPKP**

**PEKELILING LEMBAGA PELESENAN  
KENDERAAN PERDAGANGAN  
BIL. 2 TAHUN 2008**

---

**SYARAT-SYARAT PENGELUARAN LESEN BAS CATAR**

**LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SEMENANJUNG  
MALAYSIA**

**TARIKH: 15 FEBRUARI 2008**

Semua Pengusaha/Persatuan Bas Ekspres  
Semenanjung Malaysia.

## **SYARAT-SYARAT PENGELUARAN LESEN BAS CATAR**

### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan syarat-syarat bagi pengeluaran lesen bas catar sebagai panduan dalam memproses permohonan lesen tersebut.

### **LATAR BELAKANG**

2. Berikutan pelaksanaan Pekeliling LPKP Bil. 4 tahun 2006 yang menamatkan pengeluaran lesen bas catar yang disandarkan kepada lesen bas berhenti-henti mulai 31 Disember 2006, permohonan lesen bas catar boleh diluluskan kepada pemohon yang mempunyai bas berhenti-henti dan juga pengusaha pengangkutan awam yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

### **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN LESEN BAS CATAR**

3. Syarat-syarat permohonan dan penggunaan lesen catar adalah seperti berikut :

a) Syarat Am :

- (i) Syarikat sendirian berhad, berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- (ii) Mempunyai modal berbayar tidak kurang RM250,000.
- (iii) Mempunyai modal atau yuran terkumpul bersamaan nilai 30% kos kenderaan.
- (iv) Mempunyai ekuiti 100% milik rakyat Malaysia.
- (v) Dokumen iringan seperti salinan Memorandum And Article Association dan Borang 24 dan 49, Penyata bank terkini untuk 3 bulan terakhir.

b) Syarat Pemohon :

- (i) Bagi pengusaha yang telah memiliki lesen bas berhenti-henti, jumlah lesen catar yang boleh dipertimbangkan tidak melebihi 30% daripada jumlah lesen bas berhenti-henti yang sedia ada.
- (ii) Pemohon yang memohon lesen catar secara berasingan (tidak mempunyai lesen bas berhenti-henti) hendaklah memberikan justifikasi keperluan lesen bas catar, seperti

mempunyai kontrak pengangkutan dengan pihak yang memerlukan perkhidmatan catar dan lain-lain justifikasi yang berkaitan.

- c) Syarat Khas :
  - (i) Bas catar dibenarkan menggantikan bas yang rosak di laluan yang diluluskan kepada syarikat yang sama.

3.1 Syarat penggunaan bas catar adalah seperti berikut :

- (i) Had usia bas catar ialah sehingga 15 tahun;
- (ii) Senarai nama penumpang hendaklah disertakan di dalam bas bagi tujuan pemeriksaan;
- (iii) Bagi jarak perjalanan melebihi 300 km atau 4 jam berterusan hendaklah mempunyai pemandu kedua dan Buku Log;
- (iv) Hendaklah mengambil perlindungan insurans mengikut Bahagian IV 90 dan 91 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 semasa membawa penumpang;
- (v) Mempunyai cukai jalan yang sah; dan
- (vi) Memasang alat Global Positioning System (GPS) pada kenderaan yang dilesenkan.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

4. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KEUSAHAWANAN KERJAYA PILIHAN”**



**(NAIMAH BT. RAMLI)**

Pengarah  
Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan  
Semenanjung Malaysia  
Kementerian Pembangunan Usahawan.

15 Februari 2008

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan  
Ibu Pejabat.

**Edaran Dalaman:**

Y.B. Dato' Pengerusi LPKP

Y. Bhg. Dato' KSU

TKSU (P)

Pengarah (LPKP) Wilayah Tengah

Pengarah (LPKP) Wilayah Timur

Pengarah (LPKP) Wilayah Utara

Pengarah (LPKP) Wilayah Selatan

Sila tampal pekeliling ini pada papan kenyataan di pejabat LPKP Wilayah.